



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN
Sports, Co-curricular and Arts Division
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Ministry of Education Malaysia
Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KPM.600-4/1/1 Jld. **37 (87)**

Tarikh : **3** April 2025

Encik Mohd Wahyu Affandy bin Zainuddin
Setiausaha
Kelab Olahraga Alam Sinergi
Lot PT36982, HS(M) 25510 Wakaf Bharu
Mukim Kuala Nerus
21300 Kuala Terengganu
Terengganu

Tuan,

PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PENGLIBATAN MURID BAGI TERENGGANU MARATHON 2025

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan e-mel daripada pihak tuan yang bertarikh 21 Mac 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan tahniah atas usaha pihak **Kelab Olahraga Alam Sinergi** kerana telah memberikan peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **Terengganu Marathon 2025** yang diadakan pada 22 Februari 2025 bertempat di Dataran Batu Buruk, Terengganu.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima serta meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Penglibatan I Peringkat Kebangsaan** bagi penyertaan murid dan **Pencapaian Peringkat Kebangsaan** kepada peserta yang mendapat tempat dalam pertandingan ini. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan penglibatan kokurikulum Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di Lampiran 1.

4. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan penglibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di lampiran. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama murid yang terlibat kepada jabatan pendidikan negeri serta sekolah yang disertai oleh murid dalam program berkenaan.

5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Encik Samsyul Hisyam bin Abdul Manap** di talian **03-88841029** atau e-mel **samsyul@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(GAITHRI A/P CHANDRAN)

b.p. Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

SHAM/pengiktirafan2025/desktop

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN
PENGLIBATAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID DALAM
PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM
(PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

JENIS PENGLIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PENGLIBATAN I	Murid yang didaftarkan sebagai atlet / peserta perkhemahan / kejohanan / kursus / karnival /program pertandingan.
PENGLIBATAN II	Penglibatan murid dalam aktiviti seperti: - Jawatankuasa pelaksana - Petugas Teknikal - Persembahan selingan
PENGLIBATAN III	Penglibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya.

SKOR PENGLIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Penglibatan I	Penglibatan II	Penglibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah / Sarawak)	12	9	5
Zon / Daerah	11	8	4

SKOR PENCAPAIAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
		Johan	Naib Johan	Ke-3	Ke-4	Ke-5
Tahap Pencapaian	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4